

LAPORAN TAHUNAN

2025

JABATAN ALAM SEKITAR
WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN

TINGKAT 9, BLOK 4, KOMPLEKS
UJANA KEWANGAN
87007, LABUAN, WP LABUAN



KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN
KELESTARIAN ALAM
JABATAN ALAM SEKITAR

LAPORAN TAHUNAN
JABATAN ALAM SEKITAR
WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN
TAHUN 2025

ISI KANDUNGAN

Profil ringkas Jabatan Alam Sekitar	**1**
Bahagian Pentadbiran & Kewangan	
• Organisasi Pentadbiran JASWPL	4
• Carta Organisasi	6
• Program Pentadbiran JAS	12
• Pengurusan Kewangan	15
Bahagian Operasi & Penguatkuasaan	
• Pengenalan Operasi	18
• Penguatkuasaan Operasi	20
Bahagian Pembangunan	
• Pengenalan Pembangunan	33
• Penguatkuasaan EIA	34
• Aktiviti Pembangunan	38
• Komunikasi, Pendidikan & Kesedaran	44
• Ilmu Lestari	57


Januari


Februari


Mac


April


Mei


Jun


BENGKEL PEMANTAPAN
SISTEM E-SWIS & MYPREMIS
Julai


Ogos


Selamat Datang
September


Oktober


November


Disember



SEULAS PINANG

Bismillahirrahmanirrahim.Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Allah SWT atas kejayaan penerbitan Buku Laporan Tahunan Jabatan Alam Sekitar (JAS) Wilayah Persekutuan Labuan bagi tahun 2025. Naskhah ini merupakan dokumentasi komprehensif yang merekodkan segala inisiatif, cabaran, dan pencapaian jabatan sepanjang tahun 2025.

Saya mengambil kesempatan ini untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada mantan Pengarah, Tuan Mejar Bersekutu (PA) Zulfadzli Bin Zakaria, B.C.K., MY-CISEC., CePEOEIA. Kepimpinan dan asas tadbir urus yang beliau bina sepanjang tahun 2025 telah melancarkan perancangan dan gerak kerja tahun 2026 bagi memikul amanah dan tanggungjawab dalam memelihara kelestarian alam sekitar di Wilayah Persekutuan Labuan.

Sepanjang tahun 2025, komitmen jitu seluruh warga kerja JAS Wilayah Persekutuan Labuan telah berjaya memperkasa penguatkuasaan Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974, pemantauan pencemaran, serta program kesedaran yang melibatkan komuniti dan industri. Usaha berterusan ini membuktikan dedikasi jabatan terhadap agenda Pembangunan Mampan (SDG) dan prinsip Kelestarian Alam (ESG).

Menjadikan pencapaian lalu sebagai batu loncatan untuk tahun 2026, fokus jabatan kini diperteguh ke arah pencegahan pencemaran di peringkat sumber, pemerkasaan pendigitalan perkhidmatan, dan pembudayaan amalan hijau demi kesejahteraan generasi akan datang, selaras dengan seruan 'Alam Sekitar Tanggungjawab Bersama'.

Akhir kata, syabas dan tahniah kepada Sidang Redaksi dan Jawatankuasa Penerbitan Laporan Tahunan 2025 atas komitmen menyempurnakan naskhah ini. Semoga seluruh warga JAS Wilayah Persekutuan Labuan terus melangkah sederap, mengekalkan kecemerlangan, dan melaksanakan amanah dengan integriti yang tinggi.

Sekian, wabillahitaufik walhidayah, wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Tuan Aliudin@Din Bin Atat@Mohd Arsyid
Pengarah Jabatan Alam Sekitar WP Labuan

Tahun Berkhidmat pada Jun 2026 hingga kini



PROFIL RINGKAS JABATAN ALAM SEKITAR MALAYSIA

JABATAN ALAM SEKITAR

Memacu pembangunan mampan melalui penguatkuasaan undang-undang, pemantauan kualiti alam sekitar dan penyertaan aktif semua pihak berkepentingan demi kesejahteraan rakyat dan kelestarian negara

VISI

Memastikan Pembangunan Lestari di dalam Proses Memajukan Negara

MISI

Pemuliharaan Alam Sekitar untuk Kesejahteraan Rakyat

FUNGSI

Mentadbir dan Menguatkuasaakan Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dan Bahagian IV, Akta Zon Ekonomi Eksklusif 1984



AKTA KUALITI ALAM SEKELILING 1974

AKTA

Undang-undang induk yang menetapkan punca kuasa dan peruntukan asa perlindungan alam sekeliling.

KAEDAH

Prosedur pentadbiran dan tatacara pelaksanaan undang-undang di peringkat operasi.

PERATURAN

Penetapan standard teknikal, had parameter pelepasan, dan syarat pematuhan bagi premis industri.

PERINTAH

Arahan khusus yang menetapkan senarai aktiviti yang diwajibkan menjalani penilaian atau kawalan tertentu

JABATAN ALAM SEKITAR WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN

Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Labuan merupakan agensi di bawah Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian (NRES) dan diselia oleh Jabatan Alam Sekitar Ibu Pejabat di Putrajaya. Jabatan ini mempunyai tiga (3) bahagian iaitu Bahagian Pentadbiran dan Kewanganm Bahagian Operasi dan Bahagian Pembangungan.

Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Labuan terletak di Unit 9C, Tingkat 9, Blok 4 Kompleks Ujana Kewangan, 87007 Wilayah Persekutuan Labuan.



PENDIGITALAN

INFORMASI ALAM SEKITAR

Transformasi digital JAS memastikan informasi alam sekitar yang tepat dan telus dapat dicapai oleh orang awam dengan pantas dan efektif.

eWaste Portal
Informasi pengurusan eWaste isi rumah
https://ewaste.doe.gov.my/

MyJAS EQMS
Pemantauan pelepasan berterusan secara masa nyata
https://eqms.doe.gov.my/

eADUAN
Platform pengurusan aduan pencemaran alam sekitar
https://eaduan.doe.gov.my/

MyRAS
Rangkaian komuniti Rakan Alam Sekitar seluruh negara
https://ras.doe.gov.my/



BAHAGIAN PENTADBIRAN & KEWANGAN
JABATAN ALAM SEKITAR
WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN

ORGANISASI PENTADBIRAN JABATAN ALAM SEKITAR WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN



15
PEGAWAI DIPERUNTUKAN
Setakat 31 Disember 2025

16
JAWATAN DIPERUNTUKKAN
Berdasarkan Waran Penjawatan

1
KEKOSONGAN JAWATAN
Fungsi jabatan tetap berjalan lancar

KERANGKA KEPIMPINAN

PENGARAH (GRED C12)
Menerajui keseluruhan hala tuju dan operasi jabatan.

TIMBALAN PENGARAH (GRED C9)
Membantu dalam pengurusan dan penyelian fungsi jabatan.

PENOLONG PEGAWAI KAWALAN TERTINGGI (GRED C6)
Memberikan sokongan teknikal dan kawalan dalam struktur organisasi.

ANGGOTA PELAKSANA
Terdiri daripada sebelag (11) orang, kaktiangan yang komited menyokong dasar dan program alam sekitar.

TIGA TERAS UTAMA JABATAN

01 OPERASI
Menumpukan kepada penguasaan dan undang-undang, pengendalian aduan awam secara responsif, dan pelaksanaan tindakan kontingensi sekiranya berlaku insiden pencemaran.

02 PEMBANGUNAN
Bertanggungjawab terhadap Penilaian Kesan Alam Sekitar (EIA), urutan pelesatan, pemantauan geospatial, serta pengukuran aktiviti kesedaran awam bagi mendidik komunit.

03 PENTADBIRAN DAN KEWANGAN
Bertindak sebagai tulang belakang organisasi yang menguruska logistik, aset, kewangan, perkhidmatan, dan sumber manusia.

BILANGAN PEGAWAI MENGIKUT UNIT



JUMLAH PEGAWAI BERKHIDMAT 15

Status Pengisian Pegawai



15 JAWATAN DIISI
Tahap pengisian yang tinggi menjamin kelancaran operasi jabatan.

1 KEKOSONGAN
Jurang kecil yang sedang diperkasakan untuk dipenuhi.

PERANAN STRATEGIK BAHAGIAN PENTADBIRAN DAN KEWANGAN

Nadi pengurusan yang memastikan kelancaran operasi harian melalui pengurusan sumber yang cekap dan berintegriti.

PENGURUSAN KEWANGAN	PENGURUSAN SUMBER MANUSIA DAN KEBAJIKAN	LOGISTIK DAN ASET	PENTADBIRAN AM
Penyediaan bajet, pelaporan telus dan perkhidmatan dalam serta perkhidmatan jabatan.	Pengurusan perkhidmatan, pengurusan lebaran, HRMIS serta kebeljkan warga jabatan.	Pengurusan aset dan pengurusan serta penyaluran logistik dan pengangkutan.	Pengurusan surat-menyurat rasmi dan pemulasan peraturan serta pekeliling kerajaan.

STRUKTUR PERJAWATAN KHUSUS (TAHUN 2025)

Pembantu Tadbir (N2)	Pembantu Tadbir Kewangan (W2)	Pembantu Operasi (H1)
Menyelia keseuruhan aspek pembadbiran.	Memfokuskan kepada pengurusan urusan kewangan.	Memberikan sokongan dalam aspek logistik dan pengangkutan.

CARTA ORGANISASI


BAHAGIAN OPERASI
PENGARAH
TUAN MEJAR BERSEKUTU (PA) ZULFADZLI BIN ZAKARIA
PENGARAH JAS WP LABUAN
BAHAGIAN PEMBANGUNAN
PEN. PEG KANAN TERTINGGI C7
LIANA JOHARI
PENGUATKUASAAN PYDT, KOTIGENSI & PENYELARAS ADUAN PENCEMARAN
PEMBANTU TADBIR N2
NORMAYA @ KASMAH LASIMAN
PENTADBIRAN
PEGAWAI KAWALAN C9
NURUL ASIKIN MOHD YUSOF @DAUD
PENILAIAN (EIA,EMP,KB) & PENDAKWAAN
PEN. PEG. KAWALAN C5
AZLANSHAH BIN BACHO
UKB, PENGUATKUASAAN PYBDT & ADUAN
PEN. JURUTERA JA5
JUNAIDI ALAN
PENGUATKUASAAN PYBDT, KUMBAHAN, ADUAN, PIC EKAS & OER
PEMBANTU OPERASI H1
ALISTER CHEN LEE TAIMIN
PEMANDU KENDERAAN
PEMBANTU TADBIR W2
ASMALINA MOHD BRAIM @ BAGUL
KEWANGAN
PEN. PEG KAWALAN KANAN C6
ADYLINA MOHD YAAKUB
POST EIA
PEN. PEG. KAWALAN C5
MOHAMMAD MAN SAH BIN AZMAN
NOTIFIKASI, PENDAKWAAN & ICT
PEN. JURUTERA JA5
JAWATAN KOSONG
PENGUATKUASAAN PYBDT, PIC eSwis & eKas & ADUAN
PEN. JURUTERA JA5
CYNTIA
PENGUATKUASAAN PYBDT, ADUAN & OMPT (DRONE)
PERSONAL MYSTEP G1
NAZILAH MOHD JUSLIN
PENTADBIRAN
PEN. JURUTERA JA5
AHMAD SHAYUTI ABDUL RAHIM
PENGAWASAN, GEOSPATIAL
PEN. PEG. KAWALAN C5
MUHAMMAD MUNIFF ADHA BIN ASNAWI
PELESENAN, INPUT PEMBANGUNAN
PERSONAL MYSTEP G9
NURHIDAYAH BULYAN
PENDIDIKAN

PENGARAH
JABATAN ALAM SEKITAR WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN



Yang Berusaha,
TUAN MEJAR BERSEKUTU (PA)
ZULFADZLI BIN ZAKARIA B.C.K., MY-CISEC.,
CePEOEIA

BAHAGIAN PENTADBIRAN DAN KEWANGAN
JABATAN ALAM SEKITAR WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN

ALISTER CHEN LEE TAIMIN
PEMBANTU OPERASI H1

NORMAYA @ KASMAH LASIMAN
PEMBANTU TADBIR N2 (TBBK)



NAZILAH MOHD JUSLIN
PERSONAL MYSTEP N1

ASMALINA MOHD BRAIM @ BAGUL
PEMBANTU TADBIR W2 (TBBK)

BAHAGIAN PEMBANGUNAN
JABATAN ALAM SEKITAR WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN

NURUL ASIKIN MOHD YUSOF @DAUD
PEGAWAI KAWALAN C9

AHMAD SHAYUTI ABDUL RAHIM
PEN. JURUTERA JA5

NURHIDAYAH BINTI BULYAN
PERSONAL MYSTEP GRED 9



MOHAMMAD MAN SAH BIN AZMAN
PEN. PEG. KAWALAN C5

ADYLINA MOHD YAAKUB
PEN. PEGAWAI KAWALAN KANAN C6

BAHAGIAN OPERASI
JABATAN ALAM SEKITAR WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN

AZLANSHAH BIN BACHO
PEN. PEG. KAWALAN C5

LIANA JOHARI
PEN. PEGAWAI KANAN TERTINGGI C7



JUNAIDI ALAN
PEN. JURUTERA JA5

CYNTIA MAHADI
PEN. JURUTERA JA5



PROGRAM PENTADBIRAN JABATAN ALAM SEKITAR WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN

Program anjuran pentadbiran JAS merangkumi inisiatif latihan dan pembangunan modal insan, penganjuran majlis rasmi dan sambutan hari-hari kebesaran, serta aktiviti yang memfokuskan kepada kebajikan dan kesejahteraan kakitangan. Pelaksanaan program ini bermatlamat untuk memperkasakan kecekapan organisasi, di samping memperkukuh jalinan hubungan antara warga kerja dan masyarakat

SEMINAR TOLERANSI SIFAR TERHADAP PERLAKUAN GANGGUAN SEKSUAL

Jabatan Alam Sekitar W.P. Labuan telah menganjurkan Seminar Toleransi Sifar terhadap Perlakuan Gangguan Seksual bertempat di Bilik Mesyuarat JAS W.P. Labuan.

Penganjuran seminar ini bertujuan untuk memperkukuh tahap kesedaran dan kefahaman warga jabatan mengenai kepentingan mewujudkan suasana kerja yang selamat, harmoni serta bebas daripada sebarang bentuk gangguan seksual.

Seminar ini telah menampilkan penceramah jemputan iaitu ASP Francisca Dullat daripada Bahagian Siasatan Jenayah, Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Puan Liu Kim Pau @ Jessica, Penguasa Rumah Perlindungan Wanita Kota Kinabalu, Sabah.

Kedua-dua penceramah telah berkongsi ilmu, pengalaman serta langkah-langkah pencegahan berkaitan isu gangguan seksual, di samping menekankan peranan individu dan organisasi dalam mendukung prinsip toleransi sifar terhadap perlakuan tidak bermoral ini.

Adalah diharapkan melalui penganjuran seminar ini, warga JAS W.P. Labuan akan lebih peka, berilmu dan mengamalkan nilai-nilai etika, integriti dan profesionalisme yang tinggi bagi memastikan persekitaran kerja yang kondusif serta bebas daripada sebarang bentuk gangguan seksual.









BENGKEL PENGURUSAN TATATERTIB PEGAWAI AWAM DAN TAKLIMAT BAHAYA PENYALAHGUNAAN DADAH KEPADA PENJAWAT AWAM DI JABATAN ALAM SEKITAR W.P. LABUAN TAHUN 2025.

Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Labuan (JASWPL) telah melaksanakan dua (2) program utama yang memberi fokus kepada pemantapan etika kerja dan tanggungjawab perkhidmatan.

Program pertama ialah Bengkel Pengurusan Tatatertib Pegawai Awam, yang telah diadakan pada 5 hingga 6 Ogos 2025 bertempat di Bilik Mesyuarat JASWPL. Bengkel ini bertujuan memberi kefahaman mendalam mengenai proses dan peraturan tatatertib dalam perkhidmatan awam, termasuk peranan pegawai penyiasat, dokumentasi kes, dan keperluan mematuhi prinsip keadilan dalam tindakan yang diambil.

Penganjuran bengkel ini dilihat sebagai satu langkah penting dalam memperkukuh kecekapan dalaman jabatan khususnya yang melibatkan pengurusan isu tatatertib.

Selain itu, JASWPL turut melaksanakan Taklimat Integriti dan Bahaya Penyalahgunaan Dadah kepada Penjawat Awam. Program ini bertujuan menanam kesedaran terhadap ancaman penyalahgunaan dadah dalam kalangan penjawat awam serta mendokong usaha mewujudkan persekitaran kerja yang sihat, bebas penyalahgunaan dadah dan berintegriti tinggi. Kedua-dua program ini membuktikan komitmen JASWPL dalam memastikan aspek tatakelola, disiplin dan integriti sentiasa diberi keutamaan. Langkah proaktif ini selaras dengan hasrat murni kerajaan untuk memperkukuh sistem penyampaian perkhidmatan awam yang profesional dan berkualiti tinggi.

PENGURUSAN KEWANGAN JABATAN ALAM SEKITAR WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN

RINGKASAN EKSEKUTIF

Dana yang disalurkan oleh Ibu Pejabat Jabatan Alam Sekitar ini dibahagikan kepada dua kategori utama: **Belanja Mengurus dan Peruntukan Pembangunan.**

Mattamat utama pengurusan kewangan ini adalah untuk menyokong operasi harian, membayar projek-projek strategik dan memastikan kelestarian alam sekitar di Wilayah Persekutuan Labuan melalui pengagihan sumber yang cekap dan selaras dengan objektif strategik Jabatan Alam Sekitar Malaysia.

ANALISIS PERUNTUKAN KEWANGAN

Pengurusan kewangan JASWPL bagi tahun 2025 berfokus kepada dua komponen utama perbelanjaan yang direka untuk memaksimumkan keberkesanan fungsi jabatan di peringkat neger.

1 BELANJA MENGURUS (OPERATING EXPENDITURE)

TUJUAN UTAMA

Menampung perbelanjaan berkaitan operasi harian jabatan.

SKOP PERBELANJAAN

PENGURUSAN DAN PENTADBIRAN
Urusan Pejabat dan Keperluan Birokrasi Harian

LOGISTIK
Sokongan Pengangkutan dan Mobilisasi Jabatan

PROGRAM PENDIDIKAN DAN KESEDARAN
Inisiatif yang melibatkan Masyarakat dan pihak berkepentingan mengenai Kepentingan Alam Sekitar.

PENYELENGGARAAN ASET DAN FASILITI
Memastikan Infrastruktur dan harta modal Jabatan sentiasa dalam keadaan Optimum.

2 PERUNTUKKAN PEMBANGUNAN (DEVELOPMENT ALLOCATION)

TUJUAN UTAMA

Membiayai perlaksanaan projek pembangunan untuk meningkatkan kapasiti Jabatan

SKOP PERBELANJAAN

PEMBELIAN PERALATAN
Perolehan alat-alat baru bagi menyokong tugas teknikal

PENAIKTARAFAN INFRASTRUKTUR
Penambahbaikan kemudahan sedia ada.

PEMBANGUNAN SISTEM SOKONGAN TEKNIKAL
Inovasi dalam sistem digital atau teknikal untuk keberkesanan kerja.

INISIATIF PEMELIHARAAN DAN PEMULIHARAAN
Projek khusus yang menjurus kepada Perlindungan Ekosistem di Labuan.




BAHAGIAN OPERASI DAN
PENGUATKUASAAN JAS
WILAYAH PERSEKUTUAN
LABUAN



BAHAGIAN OPERASI & PENGUATKUASAAN

Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Labuan

Bahagian Operasi merupakan nadi utama dalam struktur penguatkuasaan Jabatan Alam Sekitar (JAS). Bahagian ini dipertanggungjawabkan untuk menerajui aktiviti pemantauan, penyiasatan, dan tindakan perundangan selaras dengan peruntukan Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 (Akta 127) serta peraturan-peraturan di bawahnya.



Fungsi utama bahagian ini adalah untuk memastikan tahap pematuhan perundangan yang optimum dalam kalangan pemilik dan pengusaha premis. Komitmen ini bermatlamat untuk melindungi alam sekitar daripada sebarang ancaman pencemaran, sekali gus memelihara kesejahteraan awam dan kelestarian ekosistem.

Sepanjang tahun pelaporan, tindakan penguatkuasaan telah dilaksanakan secara menyeluruh ke atas pelbagai kategori premis. Ini mencakupi premis bukan yang ditetapkan, loji pengolahan kumbahan, serta premis yang tertakluk di bawah Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Aktiviti yang Ditetapkan) 2015 dan Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 2005. Bagi memastikan keberkesanan, setiap pemeriksaan dikendalikan secara sistematik dan strategik berpandukan penilaian risiko, maklumat perisikan, serta aduan awam. Pendekatan ini adalah bagi menjamin operasi setiap premis sentiasa mematuhi piawaian perundangan dan syarat kelulusan yang telah ditetapkan.

BAHAGIAN OPERASI & PENGUATKUASAAN

Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Labuan

Selain itu, bahagian ini turut bertanggungjawab menyelaras tindakan penguatkuasaan terhadap pencemaran daripada sumber bergerak melalui Unit Kenderaan Bermotor. Pelaksanaan operasi unit ini adalah berlandaskan peruntukan di bawah Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kawalan Pelepasan Daripada Enjin Petrol dan Diesel) 1996. Fokus utama siri pemeriksaan kenderaan bermotor ini adalah untuk mengawal emisi bahan cemar yang menyumbang kepada kemerosotan kualiti udara, khususnya di kawasan-kawasan berimpak tinggi.

Seterusnya, Bahagian Operasi turut menggalas tanggungjawab utama dalam pengendalian aduan awam berkaitan insiden pencemaran yang merangkumi pelbagai elemen seperti pencemaran udara, air, bunyi bising, bau, serta aktiviti pembakaran terbuka. Bagi mengekang isu pembakaran terbuka secara lebih komprehensif dan efektif, tahap rondaan serta pelaksanaan Operasi Mencegah Pembakaran Terbuka (Ops OMPT) telah diperkasakan. Langkah proaktif ini diberi penekanan khusus semasa musim kemarau dan cuaca panas yang berpotensi tinggi menyumbang kepada risiko kejadian jerebu. Keseluruhan inisiatif penguatkuasaan ini dilaksanakan selaras dengan peruntukan di bawah Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Aktiviti yang Diisytiharkan Pembakaran Terbuka) 2003

Bagi menangani kes-kes pelanggaran perundangan yang serius, kertas siasatan telah dilengkapkan dan dipanjangkan kepada Unit Pendakwaan untuk tindakan susulan. Tindakan perundangan ini dilaksanakan berlandaskan peruntukan di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 (Akta 127), yang secara khususnya merangkumi:

- Seksyen 34A: Kegagalan memperoleh kelulusan Laporan Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling (EIA).
- Seksyen 22: Pencemaran dan pelepasan bahan cemar ke udara.
- Seksyen 29A: Pelanggaran larangan pembakaran terbuka.

Langkah tegas ini menzahirkan komitmen dan iltizam jitu jabatan dalam mendaulatkan peruntukan undang-undang secara berkesan, telus, dan profesional.







BAHAGIAN OPERASI & PENGUATKUASAAN

Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Labuan

Sepanjang tahun 2025, Bahagian Operasi telah melaksanakan sebanyak 129 pemeriksaan ke atas premis tidak ditetapkan (PYDBT) dan 12 pemeriksaan ke atas premis ditetapkan (PYDT). Selain itu, pihak operasi menerima 40 aduan berkaitan pencemaran, mengesyorkan 39 kompaun, serta mengemukakan 17 kertas siasatan bagi tujuan pendakwaan. Daripada jumlah tersebut, tujuh (7) kertas siasatan telah diambil tindakan, manakala 10 lagi akan dikeluarkan pada tahun 2026.

Inisiatif penguatkuasaan yang konsisten dan berkesan ini menzahirkan komitmen utuh Jabatan Alam Sekitar (JAS) dalam memelihara serta melestarikan kualiti alam sekitar negara. Bagi mendepani cabaran masa hadapan, Bahagian Operasi akan terus memperkasakan kapasiti operasinya melalui pembangunan modal insan, jalinan sinergi strategik antara agensi, serta adaptasi teknologi pemantauan terkini. Pendekatan komprehensif ini bertujuan untuk memastikan agenda pembangunan mampan dan kesejahteraan rakyat dapat direalisasikan sepenuhnya.

BAHAGIAN OPERASI & PENGUATKUASAAN

Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Labuan



Graf 1.0 : Bayaran Kompaun

Graf 1.0 memaparkan trend jumlah kutipan bayaran kompaun oleh Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Labuan bagi tempoh enam tahun bermula dari tahun 2020 hingga 2025. Berdasarkan graf tersebut ia menunjukkan corak kutipan yang tidak sekata (turun naik) yang secara langsung mencerminkan dinamika operasi penguatkuasaan serta tahap pematuhan terhadap perundangan alam sekitar dari tahun ke tahun.

Berdasarkan pecahan tahunan, kutipan kompaun tertinggi telah dicatatkan pada tahun 2024 dengan nilai sebanyak RM132,000 diikuti oleh lonjakan kedua tertinggi pada tahun 2022 sebanyak RM114,000. Seterusnya, tahun-tahun lain merekodkan jumlah kutipan yang lebih sederhana dan stabil iaitu RM34,350 pada tahun 2020, RM23,150 pada tahun 2021 dan RM29,500 pada tahun 2023.

Menjelang tahun 2025, rekod menunjukkan penurunan yang sangat ketara dengan jumlah kutipan terendah iaitu RM7000. Penurunan mendadak ini merupakan satu indikator yang berpotensi positif, kerana ia boleh diterjemahkan sebagai peningkatan tahap kesedaran dan tahap pematuhan industri serta masyarakat di Wilayah Persekutuan Labuan terhadap peraturan alam sekitar. Secara rumusnya, trend kutipan kompaun ini amat bergantung kepada kekerapan aktiviti pemeriksaan, tahap pematuhan semasa dan keberkesanan tindakan penguatkuasaan berterusan oleh pihak Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Labuan.

BAHAGIAN OPERASI & PENGUATKUASAAN

Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Labuan



Graf 2.0 : Jumlah Notifikasi

Graf 2.0 menunjukkan jumlah Notis Arahan yang dikeluarkan oleh Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Labuan (JASWPL) dari tahun 2020 hingga 2025. Pada awal tempoh, jumlah notis adalah rendah dan stabil, iaitu sebanyak tiga (3) notis pada tahun 2020, serta masing-masing dua (2) notis pada tahun 2021 dan 2022. Jumlah tersebut meningkat secara ketara kepada 26 notis pada tahun 2023, sebelum mencatatkan angka tertinggi sepanjang tempoh lima tahun tersebut pada tahun 2024, iaitu sebanyak 76 notis. Trend ini mencerminkan komitmen JASWPL yang semakin meningkat terhadap pematuhan undang-undang dan tindakan tegas ke atas pelanggaran alam sekitar.

Pada tahun 2025, JASWPL merekodkan 45 notis, iaitu sedikit penurunan berbanding tahun 2024. Penurunan ini menunjukkan peningkatan tahap pematuhan terhadap akta alam sekitar di Wilayah Persekutuan Labuan, di samping membuktikan peranan berterusan JASWPL dalam pengawasan alam sekitar.

RINGKASAN KES PENDAKWAAN MAHKAMAH OLEH JAS W. P. LABUAN DI MAHKAMAH SESYEN W. P. LABUAN



W. P. Labuan - 14 Mei 2025 Sebuah syarikat yang didapati telah melepaskan efluen perindustrian melebihi standard B seperti yang telah ditetapkan dalam Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Efluen Perindustrian) 2009, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 telah didenda sejumlah RM110,000.00 di Mahkamah Sesyen, W. P. Labuan pada 14 Mei 2025.

Hakim Mahkamah Sesyen, Puan Marlina binti Ibrahim menjatuhkan hukuman denda tersebut selepas Wakil Syarikat mengaku salah di atas tiga (3) pertuduhan yang dibacakan terhadap syarikatnya.

Kes ini adalah hasil daripada aduan orang awam dan siasatan terhadap aduan tersebut pada 11 Mac 2023. Sampel-sampel pelepasan efluen telah diambil dan dihantar ke Jabatan Kimia Malaysia, Kota Kinabalu untuk dianalisis. Hasil analisis telah mendapati syarikat telah gagal mematuhi peraturan 11(1)(b) dan peraturan 12(b), Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Efluen Perindustrian) 2009 serta Seksyen 25(1) dan Seksyen 25(2) Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974.

Orang ramai juga boleh membuat sebarang aduan berkaitan kes-kes pencemaran alam sekitar di talian bebas tol 1-800-88-2727, email ke aduan_k@doe.gov.my atau ke portal aduan https://eaduan.doe.gov.my.



RINGKASAN KES PENDAKWAAN MAHKAMAH OLEH JAS W. P. LABUAN DI MAHKAMAH SESYEN W. P. LABUAN PADA 30 APRIL 2025

Sebuah syarikat yang didapati telah menggunakan tapak premis pada 11 Mac 2023 untuk menempatkan buangan terjadual yang dikategorikan sebagai turas yang dicemari dengan buangan terjadual, kod SW410 tanpa terlebih dahulu mendapat apa-apa kelulusan daripada Ketua Pengarah Alam Sekeliling telah didenda sejumlah RM30,000.00 di Mahkamah Sesyen, W. P. Labuan pada 30 April 2025.

Hakim Mahkamah Sesyen, Puan Marlina binti Ibrahim menjatuhkan hukuman denda tersebut selepas Wakil Syarikat mengaku salah di atas satu (1) pertuduhan yang dibacakan terhadap syarikatnya.

Kes ini adalah hasil daripada operasi rondaan OMPT dan pencegahan pencemaran alam sekitar di sekitar Pulau Labuan yang dijalankan setiap hujung minggu dan hari kelepasan am oleh pegawai-pegawai penguatkuasa Jabatan Alam Sekitar W. P. Labuan pada 11 Mac 2023.

Orang ramai juga boleh membuat sebarang aduan berkaitan kes-kes pencemaran alam sekitar di talian bebas tol 1-800-88-2727, email ke aduan_k@doe.gov.my atau ke portal aduan https://eaduan.doe.gov.my.



SIASATAN KES ADUAN TUMPAHAN MINYAK DI JETI MARINA, WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN





Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Labuan (JASWPL) telah menerima aduan berhubung kejadian tumpahan sisa minyak di kawasan Jeti Marina, W.P. Labuan pada 14 Ogos 2025, jam 12.45 tengahari.

Hasil siasatan oleh pasukan penguatkuasa JASWPL yang dijalankan pada hari yang sama jam 2.30 petang mendapati terdapat tompokan sisa minyak dianggarkan berjumlah 500 hingga 1,000 liter yang terkumpul di bahagian tepi jeti serta melekat pada bot. Sampel sisa minyak telah diambil untuk dianalisis oleh Jabatan Kimia Malaysia.

Notis Arahan telah dikeluarkan untuk tindakan pembersihan dengan serta-merta kepada pengendali jeti dan kerja-kerja pembersihan dijalankan oleh Petroleum Industry of Malaysia Mutual Aid Group (PIMMAG).



JASWPL telah mendapat kerjasama yang jitu dengan Jabatan Laut Malaysia, Perbadanan Labuan serta Lembaga Pelabuhan Labuan dalam siasatan kes ini.

Adalah diingatkan bahawa pelepasan apa-apa minyak tanpa lesen ke dalam perairan Malaysia adalah merupakan satu kesalahan di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dan tindakan undang-undang boleh diambil terhadap pihak yang tidak bertanggungjawab.

RONDAAN DARAT BAGI OPERASI MENCEGAH PEMBAKARAN TERBUKA (OMPT) DAN LAIN-LAIN PUNCA PENCEMARAN DI WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN (WPL)

Pasukan penguatkuasa Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Labuan (JASWPL) bersama Angkatan Pertahanan Awam Malaysia Wilayah Persekutuan Labuan (APM) menjalankan Operasi Mencegah Pembakaran Terbuka (OMPT), memantau punca-punca pencemaran alam sekitar yang tertakluk di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling (AKAS) 1974. Rondaan dilaksanakan di kawasan Industri berat, sederhana dan kecil, Alur alir, Taman Perumahan, Kampung-Kampung dan Pantai. Hasil pemantauan dan rondaan OMPT, terdapat dua (2) aktiviti pembakaran terbuka ditemui. Tindakan lanjut telah diambil oleh pegawai JAS. Kedua-dua aktiviti ini adalah aktiviti yang diisytiharkan bukan pembakaran terbuka sebagaimana yang ditakrifkan dalam Seksyen 29A, AKAS1974.

Pemantauan di kawasan industri di sekitar WPL turut dilakukan pada hujung minggu bagi mengesan potensi berlakunya pencemaran. Hasil dari rondaan dan pemantauan ini tiada kes-kes pencemaran atau aktiviti mencurigakan dikesan di kawasan tersebut.





Rondaan juga diteruskan ke kawasan pantai dan alur alir bagi mengesan jika terdapat kehadiran kesan-kesan pencemaran seperti Tar Ball, Oil Sheen dan lain-lain pencemaran. Hasil rondaan mendapati tiada kesan pencemaran dan aktiviti yang mencurigakan ditemui.

Kesalahan pembakaran terbuka boleh dikenakan tindakan di bawah Seksyen 29A, AKAS, 1974 dan sekiranya sabit kesalahan boleh didenda tidak kurang daripada dua puluh lima ribu ringgit (RM25,000.00) dan tidak melebihi satu juta ringgit (RM 1 juta) atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima (5) tahun atau kedua-duanya sekali dan denda tambahan tidak melebihi lima ribu ringgit (RM 5,000.00) bagi tiap-tiap hari kesalahan itu dilakukan selepas satu notis diserahkan atau boleh dikenakan kompaun dengan satu jumlah wang tidak melebihi lima puluh peratus (50%) daripada denda maksimum.

Orang ramai juga boleh membuat sebarang aduan berkaitan kes-kes pencemaran alam sekitar di talian bebas tol 1-800-88-2727, email ke aduan_k@doe.gov.my atau ke portal aduan https://eaduan.doe.gov.my.

LAWATAN KERJA KETUA PENGARAH ALAM SEKITAR KE JAS W.P. LABUAN



YBhg. Dato' Wan Abdul Latiff bin Wan Jaffar, Ketua Pengarah Alam Sekitar Malaysia telah mengadakan lawatan kerja ke Jabatan Alam Sekitar W.P. Labuan. Tujuan adalah untuk menyantuni para pegawai dan kakitangan JAS W.P. Labuan selain mengeratkan hubungan silaturahim serta membincangkan mengenai isu dan cabaran pengurusan alam sekitar terkini di sini.

Pada sebelah petang, beliau telah meninjau beberapa lokasi penting iaitu Stesen Pengawasan Kualiti Udara Automatik, Stesen Pengawasan Kualiti Air Tanah, Kawasan Perindustrian Rancha-Rancha dan Loji Incinerator Sisa Klinikal. Lawatan ke stesen ini bertujuan untuk menilai keberkesanan kemudahan pemantauan dan pengurusan sisa buangan terjadual, memastikan pematuhan piawaian alam sekitar, serta memperkukuh tindakan penguatkuasaan di lapangan.



Adalah diharapkan hubungan kerjasama erat antara pengurusan tertinggi JAS dan seluruh warga kerja JAS W.P. Labuan dapat diperkukuh dan meningkatkan keberkesanan pengurusan alam sekitar setempat dan segala isu dan cabaran di lapangan sekiranya ada dapat ditangani dengan lebih efektif dan tuntas melalui sokongan strategik daripada pihak ibu pejabat JAS.



OPERASI BERSEPADU BERSAMA JPJ, PDRM (BAHAGIAN TRAFIK) & JAS WP LABUAN

Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Labuan (JASWPL) telah menjalankan Operasi Bersepadu bersama agensi penguatkuasa berkaitan bunyi bising kenderaan pada 17 hingga 19 November 2025. Operasi ini dilaksanakan dengan kerjasama Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), Polis Diraja Malaysia (PDRM) – Bahagian Trafik, dan Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Labuan. Seramai 13 anggota penguatkuasa terlibat dalam operasi bersepadu ini.

Sebanyak 28 kenderaan telah diperiksa, di mana sebanyak 21 Notis Arahan dikeluarkan dan tindakan akan diambil untuk membuka Kertas Siasatan berkenaan kesalahan di bawah Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Bunyi Bising Kenderaan Motor) 1987, untuk tindakan selanjutnya. JASWPL ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua agensi yang telah terlibat dalam menjayakan operasi bersepadu ini. JASWPL dan agensi yang terlibat akan terus komited dalam memastikan kelestarian alam sekitar di Wilayah Persekutuan Labuan sentiasa terpelihara.







PROGRAM OPERASI BERSEPADU BERSAMA JPJ , PDRM (BAHAGIAN TRAFIK), JAS SABAH & JASWPL.

JASWPL telah menjalankan Operasi Bersepadu bersama-sama dengan agensi penguatkuasaan terhadap kenderaan berenjin diesel dan bunyi bising kenderaan pada 21 dan 22 Jun 2025. Operasi ini telah dijayakan dengan kerjasama JPJ, PDRM, JAS SABAH & JASWPL. Seramai 38 anggota penguatkuasaan telah terlibat dalam operasi bersepadu tersebut. Tuan Mejar (Bersekutu) PA Zulfadzli bin Zakaria, B.C.K., MY-CISEC, Pengarah JASWPL dan Tuan Yaras Yusup, Timb. Pengarah JAS SABAH turut hadir bersama dalam Ops Bersepadu ini.

Sebanyak 15 kompaun dan 27 Notis Arahan dikeluarkan atas pelbagai kesalahan yang berkaitan. JASWPL merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua agensi yang telah terlibat dalam menjayakan operasi bersepadu ini.
JASWPL dan agensi terlibat akan terus memastikan kelestarian alam sekitar di W.P. Labuan terus terpelihara pada sepanjang masa.





ADUAN AWAM MENGENAI TUMPAHAN MINYAK DI ATAS TANAH DI KAWASAN PERINDUTRIAN, JALAN PATAU-PATAU, WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN (WPL)

Pasukan penguatkuasa Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Labuan (JASWPL) telah menjalankan siasatan ke atas satu aduan awam mengenai kes tumpahan minyak di atas tanah di kawasan perindustrian jalan patau-patau.

Hasil siasatan mendapati satu kawasan yang dicemari dengan beberapa tompokan hitam dipercayai minyak enjin terpakai hasil daripada kerja-kerja meleraikan jentera lama yang ingin dilupuskan. Sampel rasmi tumpahan minyak juga telah diambil untuk siasatan lanjut. Notis Arahan dan Arahan Lapangan telah diberikan kepada pelaku untuk membersihkan serta-merta tumpahan minyak tersebut dan memberi laporan lengkap berkenaan kerja-kerja pembersihan.

Kesalahan mencemar tanah-tanih boleh dikenakan tindakan di bawah Seksyen 24, AKAS, 1974 dan sekiranya sabit kesalahan seseorang itu boleh didenda tidak kurang daripada lima puluh ribu ringgit (RM50,000.00) dan tidak melebihi lima ratus ribu ringgit (RM500,000.00) atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima (5) tahun atau kedua-duanya sekali dan denda tambahan tidak melebihi satu ribu ringgit (RM 1,000.00) bagi tiap-tiap hari kesalahan itu dilakukan selepas satu notis diserahkan atau boleh dikenakan kompaun dengan satu jumlah wang tidak melebihi lima puluh peratus (50%) daripada denda maksimum.

Orang ramai juga boleh membuat sebarang aduan berkaitan kes-kes pencemaran alam sekitar di talian bebas tol 1-800-88-2727, email ke aduan_k@doe.gov.my atau ke portal aduan https://eaduan.doe.gov.my.



PEMERIKSAAN PEMATUHAN AKTA KUALITI ALAM SEKELILING (AKAS), 1974 OLEH JABATAN ALAM SEKITAR WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN.

Pasukan Penguatkuasa Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Labuan (JASWPL) telah menjalankan pemeriksaan ke atas premis industri minyak dan gas di W.P. Labuan. Tujuan pemeriksaan ini adalah untuk memastikan pematuhan kepada AKAS, 1974.

Arahan di lapangan telah dikeluarkan kepada premis berkaitan bagi mengambil tindakan pembetulan yang sewajarnya untuk mematuhi AKAS, 1974 sepenuhnya.
Pihak industri diingatkan agar sentiasa mematuhi sepenuhnya segala kehendak AKAS, 1974 dan Peraturan-Peraturan di bawahnya pada sepanjang masa.

JASWPL bertekad dan beriltizam dalam memastikan kelestarian alam sekitar demi kesejahteraan rakyat.







BAHAGIAN PEMBANGUNAN WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN



BAHAGIAN PEMBANGUNAN TAHUN 2025

JAS memainkan peranan penting dalam bidang kawal selia melalui proses Penilaian Impak Alam Sekitar (EIA). Menerusi inisiatif ini, pihak jabatan bertanggungjawab untuk meneliti dan menganalisis dokumen serta laporan bagi aktiviti-aktiviti yang tertakluk di bawah perundangan. Pendekatan ini bertujuan untuk memastikan langkah mitigasi yang tepat diambil secara berterusan, bermula dari fasa perancangan sehingga projek dilaksanakan.







Pendekatan ini amat penting dalam merealisasikan komitmen negara terhadap agenda Pembangunan Lestari, bagi memastikan pertumbuhan ekonomi yang dipacu tidak menjejaskan kelestarian alam sekitar. Seiring dengan tindakan penguatkuasaan, Jabatan Alam Sekitar (JAS) turut memacu pelbagai inisiatif dan program pembangunan secara berterusan sepanjang tahun 2025.

Matlamat utama pelaksanaan inisiatif ini adalah untuk memperkukuh kesedaran dan penglibatan menyeluruh masyarakat dalam agenda kelestarian alam sekitar. Rangkaian program yang dianjurkan bersifat komprehensif, merangkumi segenap lapisan masyarakat dan disasarkan secara strategik kepada komuniti pendidikan, penduduk setempat, serta sektor korporat. Pencapaian utama sepanjang tempoh ini merangkumi penganjuran Program Ceramah dan Pameran, Program E-Waste, Sambutan Hari Alam Sekitar Sedunia, dan Program Sekolah Lestari - Anugerah Alam Sekitar.



INPUT PEMBANGUNAN



Jabatan Alam Sekitar (JAS) Wilayah Persekutuan Labuan bertindak sebagai agensi teknikal utama yang menyalurkan input pembangunan menerusi ulasan, khidmat nasihat, dan kelulusan alam sekitar bagi projek-projek pemajuan. Dalam menyokong proses kelulusan pembangunan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (Perbadanan Labuan), JAS WP Labuan menggalas tanggungjawab kritikal berikut:

i. Penilaian Permohonan: Menerima serta membuat penelitian terperinci ke atas permohonan input pembangunan daripada pihak pemaju bagi aktiviti-aktiviti yang disyaratkan (seperti sektor perindustrian, perumahan, dan infrastruktur khusus).

ii. Penyediaan Khidmat Nasihat Teknikal: Mengemukakan pandangan teknikal yang komprehensif berhubung pengurusan kelestarian alam sekitar, yang merangkumi pematuhan kawalan pencemaran udara, kualiti air, bunyi bising, serta pengurusan sisa terjadual.

iii. Jaminan Pematuhan Awal: Memastikan setiap cadangan pemajuan mengintegrasikan keperluan perundangan di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 serta peraturan-peraturan berkaitan, sebagai prasyarat sebelum kelulusan merancang dipertimbangkan.



PENGUATKUASAAN TERHADAP PROJEK YANG TERTAKLUK DI BAWAH KELULUSAN EIA

Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Labuan (JASWPL) telah menjalankan penguatkuasaan terhadap salah satu projek yang tertakluk di bawah kelulusan Penilaian Kesan Alam Sekeliling (EIA) di Wilayah Persekutuan Labuan. Pemeriksaan ini memberi fokus kepada tahap pematuhan ke atas syarat-syarat kelulusan EIA serta peruntukan di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling (AKAS), 1974. Hasil pemeriksaan di lapangan mendapati berlaku ketidakpatuhan yang dikenal pasti dan direkodkan melalui pengeluaran Field Citation (FC). JASWPL menyeru kepada semua pemaju projek yang tertakluk di bawah kelulusan EIA hendaklah sentiasa mematuhi semua syarat kelulusan EIA dan AKAS, 1974. Sebarang aduan berkaitan isu pencemaran alam sekitar boleh disalurkan melalui:



📞 Talian bebas tol: 1-800-88-2727
📧 Emel: aduan_k@doe.gov.my
🌐 Portal aduan: [https://eaduan.doe.gov.my] (https://eaduan.doe.gov.my)





PENGUATKUASAAN TERHADAP PROJEK YANG TERTAKLUK DI BAWAH KELULUSAN EIA





Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Labuan (JASWPL) telah menjalankan penguatkuasaan terhadap salah satu projek yang tertakluk di bawah kelulusan Penilaian Kesan Alam Sekeliling (EIA) di Wilayah Persekutuan Labuan.

Pemeriksaan ini memberi fokus kepada tahap pematuhan ke atas syarat-syarat kelulusan EIA serta peruntukan di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling (AKAS), 1974. Hasil pemeriksaan di lapangan mendapati berlaku ketidakpatuhan yang dikenal pasti dan direkodkan melalui pengeluaran Field Citation (FC).

Berdasarkan kepada penemuan itu, satu *Notis Arahan* di bawah Seksyen 37, AKAS, 1974 telah dikeluarkan supaya tindakan susulan terhadap pemaju projek untuk membuat langkah pembaikan yang sewajarnya.

JASWPL menyeru kepada semua pemaju projek yang tertakluk di bawah kelulusan EIA hendaklah sentiasa mematuhi semua syarat kelulusan EIA dan AKAS, 1974.



PENGUATKUASAAN KE ATAS PROJEK EIA

Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Labuan (JASWPL) telah menjalankan penguatkuasaan ke atas salah satu projek tertakluk kelulusan EIA di Wilayah Persekutuan Labuan. Antara perkara yang diperiksa adalah pematuhan kepada syarat-syarat kelulusan EIA dan Akta Kualiti Alam Sekeliling (AKAS),1974.

JAS mengingatkan kepada semua penggerak projek dan premis agar sentiasa mematuhi syarat-syarat kelulusan EIA dan AKAS, 1974 pada sepanjang masa. Sebarang aduan awam mengenai kes pencemaran alam sekitar boleh disalurkan di talian bebas tol 1800-88-2727, emel ke aduan_k@doe.gov.my atau ke portal aduan https://eaduan@doe.gov.my.





PAMERAN ALAM SEKITAR DI UJANA KEWANGAN DALAM PROGRAM HARI KESELAMATAN DAN KESIHATAN FPL 2025

JASWPL dijemput untuk mengadakan pameran kepentingan alam sekitar dalam program Hari Keselamatan dan Kesihatan FPL 2025.

Pameran ini menyediakan ruang pertanyaan secara terbuka berkaitan e-swis, MyPremis, e-waste dan sebagainya kepada pelanggan atau peserta yang berkunjung di reruai JAS. Permainan interaktif turut disediakan bagi menarik minat orang luar untuk hadir ke booth JAS.

JASWPL merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan kepada pihak pengurusan Financial Park (Labuan) Sdn Bhd, Wilayah Persekutuan Labuan di atas komitmen jitu dalam menjayakan program yang amat bermanfaat ini. Semoga usaha murni ini diberkati-Nya demi kelestarian alam sekitar.









KUNJUNGAN HORMAT OLEH PETRONAS CARIGALI SDN BHD (SABAH) DAN LABUAN GAS TERMINAL (LGAST) KE JABATAN ALAM SEKITAR WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN (JASWPL) TAHUN 2025

JASWPL telah menerima kunjungan hormat daripada pihak Petronas Carigali Sdn Bhd (Sabah) Sdn Bhd dan Labuan Gas Terminal (LGAST) pada jam 2:30 petang.

Sesi pengenalan antara pengurusan tertinggi dari pihak Petronas Carigali Sdn Bhd (Sabah) dan pihak Labuan Gas Terminal (LGAST) dengan pihak pengurusan JASWPL.

Kunjungan ini diadakan untuk membincangkan beberapa perkara berkaitan pengurusan Buangan Terjadual, pengenalan kepada aktiviti yang dijalankan oleh pihak Petronas dan juga program-program yang boleh dianjurkan bersama berkaitan kesedaran alam sekitar khususnya kepada orang awam.

Adalah diharapkan agar kunjungan dan perbincangan berkaitan bermanfaat dalam memastikan kelestarian alam sekitar di W.P. Labuan kekal terpelihara.







BENGKEL e-SWIS & MyPREMIS DAN MAJLIS PENYERAHAN LESEN BUANGAN TERJADUAL SEMPENA HARI BUMI PERINGKAT WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN 2025

Bengkel berimpak tinggi bertajuk “Bengkel e-SWIS dan MyPREMIS: Ke Arah Pengurusan Alam Sekitar Lebih Cekap” sempena Hari Bumi 2025 telah dianjurkan dengan jayanya oleh Kelab Alam Sekitar, Jabatan Alam Sekitar W.P. Labuan (KASLAW) dengan kerjasama Jabatan Alam Sekitar W.P. Labuan. Bengkel ini berlangsung di Palm Beach Resort & Spa, W.P. Labuan pada 16 April 2025.

Majlis perasmian telah disempurnakan oleh YBrs. Tuan Zulfadzli Bin Zakaria, B.C.K., MY-CISEC, Pengarah Jabatan Alam Sekitar W.P. Labuan. Seramai 75 peserta dari pelbagai latar belakang – termasuk pemain industri dari W.P. Labuan, Sabah & Sarawak – telah menyertai bengkel ini.

Bengkel ini memberi fokus kepada pemantapan kefahaman serta peningkatan kemahiran para peserta terhadap penggunaan sistem e-SWIS dan MyPREMIS melalui pendekatan pembelajaran secara hands-on. Inisiatif ini dilihat mampu memacu pematuhan yang lebih efektif terhadap Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dan peraturan-peraturan di bawahnya.
Jabatan Alam Sekitar W.P. Labuan merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua peserta yang terlibat atas komitmen dan kerjasama yang diberikan. Diharapkan bengkel ini menjadi pemangkin kepada pengurusan alam sekitar yang lebih efisien dan lestari pada masa hadapan.



BENGKEL E-SWIS & MYPREMIS SEMPENA HARI ALAM SEKITAR SEDUNIA PERINGKAT W.P. LABUAN 2025



Sempena sambutan Hari Alam Sekitar Sedunia 2025, satu bengkel berimpak tinggi bertajuk “Bengkel e-SWIS dan MyPREMIS: Ke Arah Pengurusan Alam Sekitar Lebih Cekap” telah dianjurkan dengan jayanya oleh Kelab Alam Sekitar Jabatan Alam Sekitar W.P. Labuan (KASLAW) dengan kerjasama Jabatan Alam Sekitar W.P. Labuan. Bengkel ini berlangsung di Palm Beach Resort & Spa, W.P. Labuan pada 5 Julai 2025. Seramai 70 orang peserta dari pelbagai latar belakang – termasuk pemain industri dari Semenanjung Malaysia, Sabah, Sarawak, dan Labuan – telah menyertai bengkel ini.



Bengkel ini memberi fokus kepada pemantapan kefahaman serta peningkatan kemahiran peserta terhadap penggunaan sistem e-SWIS dan MyPREMIS melalui pendekatan pembelajaran secara hands-on. Inisiatif ini mampu memacu pematuhan yang lebih efektif terhadap Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dan peraturan-peraturan di bawahnya. Jabatan Alam Sekitar W.P. Labuan merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua yang terlibat atas komitmen dan kerjasama yang diberikan. Diharapkan bengkel ini menjadi pemangkin kepada pengurusan alam sekitar yang lebih efisien dan lestari pada masa hadapan.





SEMINAR AKTA KUALITI ALAM SEKITAR SEKELILING 1974, PEMATUHAN PENGURUSAN BUANGAN TERJADUAL DAN KLINIK APLIKASI JAS

Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Labuan (JASWPL) dengan kerjasama Kelab Alam Sekitar Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Labuan (KASLAW) telah menganjurkan Seminar Akta Kualiti Alam Sekitar (AKAS), 1974, Pematuhan Pengurusan Buangan Terjadual dan Klinik Aplikasi JAS bertempat di Palm Beach Resort, W.P. Labuan.

Program ini merupakan sebahagian daripada inisiatif tahunan jabatan bersempena Sambutan Hari Alam Sekitar Negara (HASN) 2025, yang bertujuan meningkatkan kecaknaan pihak berkepentingan khususnya pemain industri tentang kepentingan pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar serta pematuhan terhadap AKAS, 1974 dan peraturan-peraturan di bawahnya.

Program seminar ini telah dirasmikan oleh Tuan Mejar Bersekutu (PA) Zulfadzli bin Zakaria, B.C.K., MY-CISEC., CePIETSI., Pengarah JASWPL dan disertai seramai 100 peserta terdiri daripada kalangan Orang Yang Berwibawa (OYB) dan pemain industri dilihat mampu memperkukuh hubungan antara pihak jabatan dan komuniti dalam menyokong aspirasi “Alam Sekitar, Tanggungjawab Bersama".
Setinggi-tinggi penghargaan diucapkan kepada semua peserta dan warga kerja JASWPL dan KASLAW yang telah memberi kerjasama penuh dalam menjayakan program ini. Diharapkan usaha murni ini dapat diteruskan sebagai suatu platform pendidikan alam sekitar pada masa akan datang.







PENGAWASAN KUALITI AIR BAWAH TANAH WP LABUAN

JAS WP Labuan telah mengambil sampel bagi tujuan Pengawasan Kualiti Air Bawah Tanah di WP Labuan bertempat di Premis ASB, Labuan.
Tujuan pengawasan ini dilakukan untuk memastikan status kualiti air tanah di WP Labuan berada dalam keadaan yang baik dan bersih.

Sebarang bentuk aduan pencemaran alam sekitar amatlah dihargai. Sila hubungi kami untuk sebarang aduan aktiviti yang mencemarkan alam sekitar di talian WhatsApp 010-270 8772 atau 087-408772.









KOMUNIKASI, PENDIDIKAN DAN KESEDARAN ALAM SEKITAR

PROGRAM SAMBUTAN HARI ALAM SEKITAR NEGARA

Bil	Program	Tarikh	Tempat
01	Semuinar Akta Kualiti Alam Sekitar Sekeliling 1974, Pematuhan Pengurusan Buangan Terjadual dan Klinik Aplikasi Jabatan Alam Sekitar	29 Oktober 2025	Palm Beach Resort Wilayah Persekutuan Labuan
02	Karnival Lestari Hijau	12 November 2025	Sekolah Kebangsaan Bebuloh Wilayah Persekutuan Labuan

PROGRAM SAMBUTAN HARI ALAM SEKITAR SEDUNIA

Bil	Program	Tarikh	Tempat
01	Program Kesedaran Alam Sekitar	12 Jun 2025	Tadika Perpaduan Kerupang 1, Wilayah Persekutuan Labuan
02	Program Promosi dan Sesi Hands On Sekolah Lestari Anugerah Alam Sekitar (SLAAS)	19-20 Jun 2025	Makmal Komputer Sektor Sumber dan Teknologi Pendidikan Wilayah Persekutuan Labuan
03	Bengkel e-SWIS dan MyPREMIS	05 Julai 2025	Palm Beach Resort dan SPA Wilayah Persekutuan Labuan

PROGRAM SAMBUTAN HARI BUMI

Bil	Program	Tarikh	Tempat
01	Bengkel e-SWIS dan MyPREMIS dan Majlis Penyerahan Lesen Buangan Terjadual	16 April 2025	Palm Beach Resort Wilayah Persekutuan Labuan
02	Hi-Picking (KUDAH)	12 April 2025	Kompleks Sukan Laut Antarabangsa Wilayah Persekutuan Labuan

PROGRAM SAMBUTAN HARI OZON SEDUNIA

Bil	Program	Tarikh	Tempat
01	Program Komuniti Lestari	24 Ogos 2025	Kampung Patau-Patau
02	Program Ceramah Sekolah Lestari Anugerah Alam Sekitar	02 September 2025	Sekolah Kebangsaan Sungai Lada
03	Program Ceramah dan Pameran	03 September 2025	Sekolah Kebangsaan Sungai Lada
04	Kempen Kesedaran Perlindungan Lapisan Ozon dan Perubahan Iklim	16 September 2025	Sekolah Menengah Kebangsaan Taman Perumahan Bedaun Wilayah Persekutuan Labuan
05	Eco @ School: Misi Lestari Kita Bersama	03 Oktober 2025	Sekolah Menengah St. Anne Wilayah Persekutuan Labuan

PENGUMPULAN E-WASTE

Bil	Program	Bulan	Berat	Tempat
01	Program Pengumpulan E-Waste dengan Kerjasama Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Labuan	Januari	55 kg	UTC, Wilayah Persekutuan Labuan
02	Program Pengumpulan E-Waste dengan Kerjasama Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Labuan	Februari	30 kg	UTC, Wilayah Persekutuan Labuan
03	Program Pengumpulan E-Waste dengan Kerjasama Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Labuan	Mac	8 kg	UTC, Wilayah Persekutuan Labuan
04	Program Pengumpulan E-Waste dengan Kerjasama Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Labuan	April	67 kg	UTC, Wilayah Persekutuan Labuan
05	Program Pengumpulan E-Waste dengan Kerjasama Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Labuan	Mei	34 kg	UTC, Wilayah Persekutuan Labuan
06	Program Pengumpulan E-Waste dengan Kerjasama Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Labuan	Jun	50 kg	UTC, Wilayah Persekutuan Labuan
07	Program Pengumpulan E-Waste dengan Kerjasama Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Labuan	Julai	70 kg	UTC, Wilayah Persekutuan Labuan
08	Program Pengumpulan E-Waste dengan Kerjasama Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Labuan	Ogos	25 kg	UTC, Wilayah Persekutuan Labuan

PENGUMPULAN E-WASTE

Bil	Program	Bulan	Berat	Tempat
09	Program Pengumpulan E-Waste dengan Kerjasama Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Labuan	September	-	UTC, Wilayah Persekutuan Labuan
10	Program Pengumpulan E-Waste dengan Kerjasama Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Labuan	Oktober	-	UTC, Wilayah Persekutuan Labuan
11	Program Pengumpulan E-Waste dengan Kerjasama Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Labuan	November	10 kg	UTC, Wilayah Persekutuan Labuan
12	Program Pengumpulan E-Waste dengan Kerjasama Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Labuan	Disember	2 kg	UTC, Wilayah Persekutuan Labuan

PROGRAM PENGUMPULAN E-WASTE ISI RUMAH WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN OLEH JABATAN ALAM SEKITAR WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN (JASWPL)

JASWPL dengan kerjasama Perbadanan Labuan, telah mewujudkan Pusat Pengumpulan E-Waste Sementara yang terletak di Pusat Pengumpulan Kitar Semula, Durian Tunjong, W.P. Labuan.

Orang ramai disarankan untuk membuang sisa buangan elektrik dan elektronik terpakai isi rumah (Household E-Waste) ke pusat pengumpulan ini. Waktu penghantaran boleh dilakukan pada Sabtu, Ahad dan Cuti Umum dari jam 9 pagi hingga 1 tengahari. Dilarang untuk meletakkan sisa buangan tersebut diluar waktu tersebut.

Peringatan:
Hanya E-Waste terpakai dari isi rumah sahaja yang dibenarkan. Aset KERAJAAN mahupun INDUSTRI hendaklah dilupuskan mengikut Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 2005, Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974. Orang ramai juga dinasihatkan untuk tidak membuang sampah domestik ke dalam tong RORO yang telah disediakan.









PROGRAM CERAMAH DAN PAMERAN DI TADIKA PERPADUAN BUKIT WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN SEMPENA SAMBUTAN HARI BUMI 2025 ANJURAN JABATAN ALAM SEKITAR WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN

JASWPL menganjurkan program ceramah Alam Sekitar dan Pameran di Tadika Perpaduan Bukit Kuda, W.P. Labuan. Program ini melibatkan seluruh pelajar tadika
.
Ceramah ini telah disampaikan oleh Pegawai MYSTEP, Puan Nurhidayah Binti Bulyan bertajuk “Udara Bersih, Kita Sihat”. JASWPL turut mengadakan aktiviti berkaitan 3R yang telah disertai oleh seluruh pelajar tadika Perpaduan Bukit Kuda, WPL. Program ini telah berlangsung dengan jayanya bermula dari jam 8:30 pagi hingga 11 pagi.

JASWPL merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan kepada pihak pengurusan Tadika Perpaduan Bukit Kuda, Wilayah Persekutuan Labuan di atas komitmen jitu dalam menjayakan program yang amat bermanfaat ini. Semoga usaha murni ini diberkati-Nya demi kelestarian alam sekitar.









SAMBUTAN HARI ALAM SEKITAR SEDUNIA, PERINGKAT TADIKA PERPADUAN, W.P. LABUAN







Sempena Hari Alam Sekitar Sedunia, JAS W.P. Labuan dengan kerjasama Tadika Perpaduan Kerupang 1, W.P. Labuan telah mengadakan program kesedaran alam sekitar yang merangkumi sesi ceramah interaktif dan pertandingan mewarna bertemakan alam sekitar.

Program ini bertujuan untuk memupuk kesedaran dan rasa tanggungjawab terhadap alam sekitar di kalangan kanak-kanak sejak awal usia. Melalui ceramah yang disampaikan secara santai dan interaktif, para peserta cilik didedahkan dengan amalan mesra alam seperti kitar semula, penjagaan kebersihan, kepentingan memelihara flora dan fauna serta amalan penjimatan tenaga.

Pertandingan mewarna pula menjadi platform bagi anak-anak untuk mengekspresikan kefahaman mereka mengenai alam sekitar melalui kreativiti. JAS W.P. Labuan merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada pihak Tadika Perpaduan, W.P. Labuan atas kerjasama yang diberikan. Semoga usaha murni ini menjadi langkah awal dalam membentuk generasi yang lebih prihatin terhadap kelestarian alam sekitar.



PENGUKUHAN KESEDARAN ALAM SEKITAR SEMPENA MINGGU HSE (HEALTH, SAFETY & ENVIRONMENT) DI TERMINAL GAS LABUAN

Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Labuan (JASWPL) dijemput untuk menghadiri program minggu HSE dengan fokus kepada aktiviti ceramah dan kesedaran alam sekitar.

Program ini telah dirasmikan oleh Tuan Mejar Bersekutu (PA) Zulfadzli Bin Zakaria, Pengarah JASWPL dan disertai seramai 100 peserta daripada pegawai JASWPL, kakitangan LGAST dan pelajar UMSKAL.

Ceramah disampaikan oleh PK Nurul Asikin Binti Mohd Yusof@Daud dengan kupasan mendalam mengenai isu-isu kritikal seperti pengurusan sisa buangan terjadual, impak mikroplastik terhadap hidupan marin dan peranan setiap individu dalam mempraktikkan gaya hidup lestari. Sesi ini mendapat sambutan yang amat memberangsangkan. Kejayaan penganjuran program ini menunjukkan fleksibiliti dan kecekalan semua pihak tetlibat dalam memastikan matlamat Minggu HSE untuk mendidik dan memberi kesedaran tercapai. JASWPL mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan diucapkan kepada LGAST kerana menjayakan program yang amat bermakna ini.









NOURISH NATURE, NURTURE FUTURE (TREE PLANTING PROGRAM)

Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan (JASWPL) telah dijemput untuk menjadi sukarelawan dalam program penanaman pokok bakau di Taman Ekologi, Kinabenua WP Labuan.



Tujuan utama program ini adalah untuk pemuliharaan ekosistem hutan paya bakau yang merupakan habitat penting bagi pelbagai flora dan fauna di persisiran marin. Sebanyak 150 pokok bakau minyak spesies Rhizophora apiculata telah ditanam.



Pihak JASWPL ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada pihak MRA dengan kerjasama PTTEP atas program yang bermanfaat ini dan diharapkan melalui usaha murni ini dapat mengurangkan hakisan pantai dan melindungi kawasan persisiran pantai daripada ancaman ombak besar atau ribut.





PROGRAM CERAMAH SEKOLAH LESTARI ANUGERAH ALAM SEKITAR (SLAAS)

SK Sungai Lada, W.P. Labuan (SKSLWPL) telah menganjurkan Program Ceramah Sekolah Lestari Anugerah Alam Sekitar (SLAAS) bersempena Hari Ozon Sedunia 2025 bertempat di bilik mesyuarat sekolah dengan penyertaan 30 orang guru.



Puan Nurul Asikin Binti Mohd Yusof@Daud, Pegawai Kawalan Alam Sekitar dari Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Labuan, telah menyampaikan ceramah berkaitan kepentingan pemeliharaan alam sekitar, konsep sekolah lestari serta usaha bagaimana melindungi lapisan ozon.

Melalui program ini, guru-guru mendapat pendedahan mengenai amalan hijau yang boleh diterapkan dalam pengajaran dan pengurusan sekolah.



Program ini diharap dapat menyemarakkan kesedaran warga sekolah terhadap kelestarian alam sekitar serta menyokong hasrat SKSWPL ke arah pencapaian Sekolah Lestari Anugerah Alam Sekitar.



PROGRAM KOMUNITI LESTARI SEMPENA HARI OZON SEDUNIA 2025.





Sempena Hari Ozon Sedunia, Jabatan Alam Sekitar W.P. Labuan dengan kerjasama JPKK Kg. Patau-Patau 1, Rakan Alam Sekitar W.P. Labuan, Rukun Tetangga, COMBI dan Kelab Belia PP1 telah menganjurkan Program Komuniti Lestari. Program telah dirasmikan oleh Tuan Mejar (Bersekutu) Zulfadzli Bin Zakaria, B.C.K., MY-CISEC, Pengarah JASWPL. Turut hadir adalah para pegawai JASWPL dan beberapa agensi kerajaan.

Program ini bertujuan menggalakkan penglibatan secara aktif komuniti dalam pemeliharaan alam sekitar melalui aktiviti seperti gotong-royong, kitar semula, penanaman pokok dan pembersihan kawasan. Ia juga berperanan dalam membentuk sikap tanggungjawab serta menanam nilai cinta dan prihatin terhadap kelestarian alam sekitar. Melalui inisiatif ini, masyarakat didorong untuk lebih peka terhadap kesan aktiviti manusia terhadap ekosistem.

Program ini diharapkan dapat melahirkan komuniti yang lebih bertanggungjawab, prihatin serta mewujudkan persekitaran yang bersih, hijau dan lestari.







PROGRAM HI-PICKING (KUDAH) BERSAMA RAKAN ALAM SEKITAR WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN SEMPENA HARI BUMI

Semepena Hari Bumi 2025, Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Labuan (JASWPL) dengan kolaborasi Petronas Chemical Methanol Sdn. Bhd mengadakan program Hi-Picking (KUDAH) bersama Rakan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Labuan 2025. Program ini bertemakan “Our Power, Our Planet”. Program ini telah dirasmikan oleh YBrs. Tuan Mejar Bersekutu (PA) Zulfadzli bin Zakaria, B.C.K., MY-CISEC, Pengarah JASWPL. Program ini dihadiri seramai 170 orang yang terdiri daripada Rakan Alam Sekitar dan jumlah sampah yang terkumpul ialah 199 kg. Program ini juga turut dibantu oleh Agensi Pertahanan Awam, Wilayah Persekutuan Labuan untuk persediaan kecemasan.



Objektif program Hi-Piking (KUDAH) #BebasPlastik merupakan satu inisiatif kesedaran alam sekitar yang menekankan kepentingan pemeliharaan dan pemuliharaan pantaimelalui aktiviti gotong-royong mengutip sampah. Selain itu, program ini juga bertujuan untuk mendidik masyarakat mengenai kesan buruk pencemaran mikro plastik terhadap ekosistem marin. Di samping itu, program ini juga dapat menggalakkan amalan gaya hidup lestari sepeti pengurangan pengunaan plastik sekali guna.





PENYELIDIKAN TENTANG SISTEM YANG DIGUNAKAN OLEH JASWPL





Jabatan Alam Sekitar Wilayah Perserkutuan Labuan (JASWPL) telah menerima kunjungan lima (5) orang pelajar daripada UMSKAL di JASWPL. Kunjungan ini bertujuan untuk membuat penyelidikan tentang sistem yang digunakan oleh JASWPL bagi tujuan kesedaran atau penguatkuasaan di WP Labuan. Pelajar juga meminta pendapat pegawai JASWPL bagi penambahbaikkan sistem yang akan dihasilkan oleh pelajar tersebut.

JASWPL merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada pelajar UMSKAL, WPL di atas kunjungan yang bermanfaat ini. Semoga usaha murni ini diberkati-Nya demi kelestarian alam sekitar.



ILMU LESTARI

Pemilik ilmu yang sejati adalah pawang kepada buana, Berdiri teguh sebagai pelindung, bukan peruntuh. Tahu ia menilai amanah di setiap helaian daun dan titis sungai, Menguruskan alam dengan jemari hemah dan akal bersuluh, Menolak tunduk pada serakah nafsu yang menggadai warisan semesta demi kemilau harta sedetik cuma.



BOOK REVIEW
JABATAN ALAM SEKITAR WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN



EDITORS : Arif Ahamad, Pardeep Singh, and Dhanesh Tiwary
PUBLISHER : John Wiley & Sons, Incorporated
PRINT ISBN : 9781119800781
EBOOK ISBN : 9781119800873
Print Pub Date : 2022-04-04

The book *Plastic and Microplastic in the Environment: Management and Health Risks* delves into one of today's most urgent environmental challenges: plastic and microplastic pollution. Edited by leading researchers, it examines the pervasive spread of plastic waste across ecosystem from freshwater bodies to the ocean depths, soils, and even the air. The book offers a balanced analysis of the environmental and health risks posed by both conventional plastics and microplastics, alongside effective management strategies and global policy responses. This comprehensive resource is invaluable for academics, industry professionals, and policymakers alike.

The book begins with an in-depth analysis of plastic debris accumulation in various environments. It traces the lifecycle of plastics, from their production to their eventual degradation into microplastics. The authors emphasize the ubiquitous nature of these materials and their persistence in ecosystems, which poses significant environmental and health risks. A critical section of the book focuses on the health hazards associated with plastic and microplastic pollution. These contaminants infiltrate water, air, soil, and sediments, affecting both human and ecological health. Detailed case studies illustrate the extent of the issue, providing concrete examples of contamination and its consequences.

The authors offer a comprehensive comparison of traditional and advanced approaches to managing plastic pollution. They discuss enhancing recyclability, innovative particle removal technologies in wastewater treatment plants, and other practical solutions. These strategies reflect a commitment to reducing the environmental footprint of plastics. An examination of international policies highlights efforts to combat plastic pollution on a global scale. The authors advocate for stronger

recyclable markets, corporate social responsibility initiatives, and education campaigns to mobilize action against plastic pollution. These policies are presented as integral to fostering sustainable solutions.

The book dedicates significant attention to the rising prevalence of microplastics in diverse ecosystems. From marine environments to terrestrial soils and atmospheric layers, microplastics are a pervasive threat. The authors explore potential sources, including wastewater treatment plants, and advanced removal technologies aimed at mitigating this issue. Beyond technical solutions, the book examines the roles of corporate social responsibility and public education in addressing plastic pollution. These initiatives are vital complements to technological and policy-driven strategies, fostering a collective response to this global challenge.

The book Plastic and Microplastic in the Environment Management and Health Risks offers significant strengths in its comprehensive approach to the issue of plastic pollution. Through its vast coverage, interdisciplinary perspective, and actionable insights, it provides readers with valuable resources to understand and address the growing environmental crisis.

One of the primary strengths of this book is its comprehensive coverage. The authors dive deep into various facets of plastic pollution, extending the discussion from the origins and impact of plastic materials to the intricate global policy frameworks designed to address this issue. The book thoroughly explores the presence of plastics in different ecosystems, such as oceans, rivers, and landfills, offering scientific data and case studies to highlight the severity of the problem. This wide-ranging exploration not only educates readers on the extent of plastic pollution but also underscores the urgency of finding sustainable solutions. Additionally, the book addresses the various strategies and technological innovations currently being pursued to reduce plastic waste, making it a valuable resource for researchers and students interested in environmental science and policy.

Another major strength of the book is its interdisciplinary perspective. The authors skillfully integrate various disciplines, including health, environmental science, commerce, and social studies, to present a well-rounded understanding of plastic pollution. This approach is crucial because plastic and microplastic pollution is a

multifaceted issue that extends beyond environmental degradation. The book discusses the health risks posed by microplastics, such as their impact on human health through consumption via the food chain. It also highlights the economic costs of plastic waste management and the social challenges of altering consumer behavior. By synthesizing insights from diverse fields, the book offers a more holistic view, making it relevant not only to environmental professionals but also to policymakers, health experts, and business leaders.

Lastly, the book provides actionable insights that enhance its practical value. The authors do not merely highlight the problem of plastic pollution but also offer practical solutions and recommendations for mitigating its impact. These include policy recommendations for governments, technological innovations for waste management, and public awareness campaigns to reduce plastic consumption. The book's pragmatic approach ensures that its readers—whether they are environmental activists, government officials, or business practitioners—can apply the knowledge gained to implement real-world solutions. This actionable guidance is especially crucial in addressing an issue that requires coordinated global efforts for change.

In conclusion, Plastic and Microplastic in the Environment: Management and Health Risks stands out for its thorough examination of plastic pollution from multiple angles. Through its broad coverage, interdisciplinary approach, and focus on practical solutions, the book serves as an indispensable resource for anyone looking to understand and address one of the most pressing environmental challenges of our time.

BOOK REVIEW
JABATAN ALAM SEKITAR WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN

Name	:	Muhammad Muniff Adha Bin Asnawi
Position	:	Penolong Pegawai Jabatan Alam Sekitar WP Labuan
Units	:	Pembangunan
Department	:	Jabatan Alam Sekitar WP Labuan

BOOK REVIEW
JABATAN ALAM SEKITAR WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN



Author : Ellen Labrecque
Publisher : Cherry Lake Publishing
Print ISBN : 9781634728713
Ebook ISBN : 9781634729604
Print Pub Date : 2017-08-01

Recycling and Waste is part of the 21st Century Skills Library: Global Citizens: Environmentalism Series, written by Ellen Labrecque and published by Cherry Lake Publishing. The book introduces young readers to the concepts of recycling and waste management, emphasizing the importance of sustainability and environmental conservation.

Labrecque provides clear, engaging explanations on how waste is generated, the environmental impact it has, and the role recycling plays in reducing this impact. With a focus on global citizenship, the book encourages readers to think about the environment from a worldwide perspective, understanding how local actions can contribute to larger, global solutions.

The book is written in an accessible style, making ***complex concepts*** easy for middle school and upper elementary students to grasp. It includes practical examples of recycling efforts from different countries, offering real-world solutions and empowering readers to make a difference in their own communities.

One of the primary strengths of the book is its ***educational value***. It provides readers with a fundamental understanding of the environmental impact of waste, explaining the importance of recycling in reducing pollution and conserving resources. The book discusses the recycling process, various types of recyclable materials, and the role individuals can play in contributing to a cleaner, healthier planet. The clear and structured presentation ensures that young readers not only grasp the basics but also appreciate the broader implications of waste and recycling on the environment.

BOOK REVIEW
JABATAN ALAM SEKITAR WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN

In addition to its clarity, the book excels in ***accessibility***. Labrecque uses simple, age-appropriate language that avoids overly technical terms, making the subject matter easy to comprehend for a younger audience. The writing is engaging, without oversimplifying, ensuring that students can learn complex environmental concepts while still being able to relate to them. This accessibility is vital in ensuring that the message of environmental sustainability reaches a wide range of readers, regardless of their prior knowledge of the topic.

Another significant strength of Recycling and Waste is ***its use of visuals***. The book is richly illustrated with colorful photographs, diagrams, and graphics that support the text. These visuals not only add an aesthetic element but also enhance the reader's understanding of the material. For example, diagrams of recycling processes and photos of real-world recycling efforts provide readers with visual representations of how waste is managed globally. This integration of visual aids helps reinforce the educational content and ensures that readers can better grasp abstract concepts.

A particularly noteworthy feature of the book is its ***global perspective*** on waste management. Labrecque goes beyond focusing on individual practices and highlights successful recycling initiatives from different countries. This global approach encourages readers to think about waste not just as a local issue but as a worldwide challenge that requires collective action. By framing recycling as a global responsibility, the book fosters a sense of **global citizenship** in young readers, urging them to see their actions as part of a larger effort to protect the environment.

Moreover, Recycling and Waste offers ***practical examples*** of how communities and countries have implemented recycling programs. These real-world examples provide readers with actionable insights into how recycling efforts can be effectively carried out, making the book not just informative but also motivational. It demonstrates that solutions to waste management challenges already exist, and individuals can play an active role in contributing to those solutions.

In addition to practical examples, the book encourages ***critical thinking*** about the environmental issues it addresses. Labrecque poses questions and scenarios that prompt readers to think about their own waste production and the choices they make regarding recycling. This interactive approach stimulates

problem-solving skills and empowers young readers to consider their role in creating a more sustainable future. It encourages them to reflect on the impact of their actions and to adopt more environmentally responsible behaviors.

Finally, the book's ability to install a sense of ***environmental responsibility*** in its readers is one of its most important strengths. By highlighting the importance of recycling and waste reduction, Labrecque provides a foundation for young people to become environmentally conscious individuals. The book empowers readers to take action, whether through recycling at home or advocating for better waste management practices within their communities. The sense of responsibility fostered by the book can have a lasting impact, encouraging a generation of environmentally conscious global citizens.

In conclusion, Recycling and Waste by Ellen Labrecque is a highly effective educational tool that engages young readers while imparting essential knowledge about recycling, waste reduction, and sustainability. The book's strengths lie in its clear and accessible language, its use of engaging visuals, its global perspective, and its focus on real-world examples. By fostering critical thinking and environmental responsibility, the book not only educates but also inspires its readers to take meaningful action in support of a more sustainable planet. It is a valuable resource for schools, libraries, and educators aiming to raise awareness about the environmental challenges of waste and recycling.

BOOK REVIEW
JABATAN ALAM SEKITAR WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN

Name : Muhammad Man Sah Bin Azman

Position : Penolong Pegawai Jabatan Alam Sekitar WP Labuan

Units : Pembangunan

Department : Jabatan Alam Sekitar WP Labuan

SISA BUANGAN TERJADUAL KEPADA KESIHATAN MANUSIA

AHMAD SHAYUTI BIN ABDUL RAHIM[1, a]

[1,]Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Labuan, Malaysia

[a]shayuti@doe.gov.my,

Kata Kunci: Buangan Terjadual, Kesan Kepada Kesihatan, Alam Sekitar.

Abstrak. Seiring dengan perkembangan ekonomi dunia didalam sektor minyak dan gas serta perkembangan teknologi menyumbang kepada pengeluaran jutaan tan sisa buangan terjadual [(1,3)]. Sisa Buangan Terjadual yang bersifat toksik ini perlu diselenggara dengan tatacara yang betul bagi melestarikan alam sekitar sekaligus meminimumkan pencemaran kepada alam sekitar. Melalui Jabatan Alam Sekitar pelbagai kaedah pencegahan, penghapusan dan pengawalan serta pembaikan alam sekitar dapat dikuatkuasakan. Oleh itu, dengan kaedah pelupusan yang sistematik dapat mengurangkan kesan kepada kesihatan manusia dan alam sekitar.

Pendahuluan

Buangan terjadual boleh diterjemahkan menurut akta kualiti alam sekeliling 1974 dibawah Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekililing (Buangan Terjadual) 2005 yang membawa maksud buangan yang terkadung didalam Jadual 1[(2)] iaitu apa-apa buangan yang perlu diurus dengan betul dan dilupuskan dengan kontraktor yang berdaftar. Jadual 1 yang dimaksudkan boleh dibahagikan kepada beberapa bahagian (Seperti Jadual 1). Buangan Terjadual yang bersifat toksik[(3)] yang tidak diurus dengan baik boleh mengakibatkan pencemaran kepada alam sekeliling dan menjejaskan kesihatan manusia.

Antara Buangan terjadual yang dikenalpasti merbahayakan kesihatan antaranya adalah Kadmium, Merkuri, Plumbum, Tembaga, Arsenik dan sebagainya. Terdedah kepada Buangan Terjadual ini boleh mengakibatkan radang kepada kulit, mata, paru-paru, selain memberi kepada penyakit seperti kanser, Pneumonia dan juga kematian[(4,9)]. Sehubungan dengan itu, sebarang buangan terjadual yang terhasil adalah sangat berbahaya kepada manusia dan alam sekitar dan perlu diurus dengan baik dan teratur.

Jadual 1: Klasifikasi Buangan Terjadual [2]

SW	Perincian
1	Buangan Logam dan buangan berasaskan logam
2	Buangan yang mengandungi terutamanya juzuk tidak organik yang mungkin mengandungi logam danbahan organik
3	Buangan yang mengandungi terutamanya juzuk organik yang mungkin mengandungi logam dan bahan tidak organik
4	Buangan yang mungkin mengandungi sama ada juzuk tidak organik atau organik
5	Buangan lain

Kesan Sisa Buangan Terjadual

Sisa Buangan Terjadual yang tidak diurus dengan baik boleh memberi kesan kepada alam sekiling sekiranya terlepas kepada tangan-tangan yang salah. Sisa Buangan Terjadual yang dibuang secara tidak beretika akan mencemarkan tanah dan air akan mengakibatkan sesuatu tempat tidak dapat digunakan. Pencemaran pada tanah yang kerap belaku adalah pembuangan sisa minyak ke atas tanah akan menyebabkan sesuatu tanah mengalami perubahan komposisi fizikal dan kimia membawa kepada kesan kepada kehidupan ditanah seperti tumbuhan, serangga dan microb[5,6] . Pencemaran pada tanah memerlukan masa yang lama untuk pulih dan mengambil masa hingga 10-30 tahun untuk tanah tersebut pulih sepenuhnya.

Kesan Pencemaran Sisa Buangan Terjadual di air juga sangat memberi kesan kepada kehidupan terutamanya kehidupan laut mamalia, ikan dan batu karang. Kesan Buangan Terjadual seperti minyak yang mencemarkan laut akan menyebabkan haiwan mamalia[7] seperti ikan lumba-lumba dan paus sukar untuk bernafas dipermukaan. Selain daripada haiwan mamalia, burung yang mencari makan dikawasan laut juga turut menjadi ancaman disebabkan oleh keracunan sisa tercemar[8]. Kesan-kesan ini akan menyebabkan kitaran ekosistem laut tidak dapat berputar dengan baik.

Manakala kesan pencemaran sisa Buangan Terjadual kepada manusia akan menyebabkan perkembangan otak dan lisan terjejas terutama kepada kanak-kanak. Selain daripada itu kesan toksik akan menyebabkan merosakan sistem imun saraf endokrin serta sistem pembiakan. Kebanyakan toksik yang diserap melalui udara boleh merosakan paru-paru dan buah pinggang [9].

Kesimpulan

Dengan itu dapat disimpulkan bahawa Buangan Sisa Terjadual memberi kesan kepada Kesihatan dan Alam Sekitar. Pengawasan secara dekat perlu dilaksanakan bagi pengurusan Sisa Buangan Terjadual agar sentiasa terurus dan sistematik serta dapat mengelakkan pembuangan haram. Pendekatan yang holistik ini dapat mengurangkan ancaman dan kesan kepada alam sekitar dan manusia. Oleh itu, kerjasama dari semua pihak samaada dari sektor kerajaan, swata dan kawasan komuniti setempat dapat memainkan peranan untuk mencapai kehidupan kesihatan dan alam sekitar yang terbaik.

Rujukan

(1) Aja. O. C. et Al. *"Overview of Hazardous Wate Management Status in Malaysia"* dlm Intech Open Science. hlm 70-87. 2016

(2) Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 (AKTA 127). Peraturan-Peraturan, Kaedah-Kaedah & Perintah-Perintah. Edisi sehingga 15hb Oktober 2020. Penerbit International Law Book Services

(3) Noorhidayah Che Jamin dan Noor Zalina Mahmood. *Scheduled waste Management In Malaysia: An Overview.* Advanced Materials Research Vol 1113. hlm 841-846. 2015

(4) Lesley Rushton. *Health hazards and waste management.* British Medical Bulletin, Volume 68, Issue 1, hlm 183–197. 2003

(5) Stepanova A.Y. et. Al. *"Bioremediation of Soil from Petroleum Contamination"* dlm MDPI. hlm 2-17. 2022.

(6) Shi L. et. al. *"Effects of oil pollution on soil microbial diversity in the Loess hilly areas, China".* dlm Annals of Microbiology. Universita Degli Studi Di Milano. (72:26) hlm 2-8.

(7) Ricardo Almeida. *"The effects of oil spills on marine life and coastal Communities".* dlm International Journal of Geography, Geology and Environment. Vol. 5(1) hlm 263-265. 2023.

(8) Serge Ferrari Group, 2023. *"Oil spills and the marine ecosystem".* https://markleen.com/oil-spill-specialists/oil-spills-and-the-marine-ecosystem/ (dilayari pada 14 Januari 2025).

(9) Jabatan Alam Sekitar. 2022. *"APAKAH KESAN TOKSIN E-WASTE TERHADAP MANUSIA?"* https://www.mkn.gov.my/web/ms/2022/03/24/apakah-kesan-toksin-e-waste-terhadap-manusia/ (dilayari pada 14 Januari 2025).

LAMPIRAN B

FORMAT BIODATA PENULIS

1. Nama: AHMAD SHAYUTI BIN ABDUL RAHIM

2. Nama Samaran (jika ada): madsha89

3. Gelaran/Pangkat: Encik

4. Tarikh Lahir: 10 Mei 1989

5. Kelulusan Akademik Tertinggi (Bidang/Nama Universiti):

   Ijazah Sarjana Kejuruteraan Awam/ Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM)

6. Jawatan: Penolong Jurutera JA29

7. Alamat E-mel: shayuti@doe.gov.my / mad_sha89@yahoo.com.my

8. Karya yang pernah diterbitkan:

   - Mosaic Sludge Industry Incorporated into Fired Clay Bricks – Buku
   - Physical and Mechanical Properties of Fired Clay Brick Incorporating with Mosaic Sludge Waste - Artikel
   - Physical and Mechanical Properties of Bodymill Sludge (BS) Incorporated Into Fired Clay Brick – Artikel
   - Physical and mechanical properties of quarry dust waste incorporated into fired clay brick – Artikel
   - Leachability of Quarry Dust Waste Incorporated into Fired Clay Brick using TCLP – Artikel
   - Properties and environmental impact of the mosaic sludge incorporated into fired clay bricks- Artikel
   - Leachate Characteristic of Mosaic Sludge Brick – Artikel
   - Utilization of Mosaic Sludge Waste into Fired Clay Brick: Properties and Leachability – Artikel
   - An Overview of Sludge Utilization into Fired Clay Brick – Artikel
   - Indoor Air Quality of Fired Clay Brick Incorporated with Mosaic Sludge - Artikel

9. Nama Penulis Bersama:

**Maklumat adalah mandatori dan mesti diisi*

"Pembuangan Terjadual: Jarum Halus Menjahit Luka Alam"

Alam sekitar ibarat sebuah kain sutera yang halus dan lembut, yang mana setiap tindakan manusia meninggalkan kesan sama ada jahitan yang kemas atau koyakan yang sukar dipulihkan. Dalam dunia yang semakin membangun, isu pelupusan sisa menjadi salah satu cabaran terbesar yang perlu ditangani dengan bijak. Pembuangan terjadual muncul sebagai salah satu mekanisme untuk menguruskan sisa buangan, baik dari segi domestik, komersial, mahupun industri, dengan tujuan untuk meminimumkan impak negatif terhadap alam sekitar. Walau bagaimanapun, usaha ini tidak datang tanpa cabaran dan risiko yang perlu diberi perhatian.



Sumber : Penguatkuasaan Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Labuan

Seperti jarum halus yang digunakan untuk menjahit luka, pembuangan terjadual berfungsi sebagai satu proses pemulihan yang dirancang untuk mengawal pencemaran. Namun, tanpa pengurusan yang baik, ia berpotensi meninggalkan luka yang lebih dalam pada ekosistem kita. Oleh itu, penting untuk memahami apa yang dimaksudkan dengan pembuangan terjadual, bagaimana ia dilaksanakan, serta kesannya terhadap alam sekitar. Pembuangan terjadual dilihat sebagai langkah penting untuk melindungi alam sekitar daripada pencemaran yang tidak terkawal. Dengan adanya sistem ini, sisa buangan yang berpotensi mencemar dapat dilupuskan dengan cara yang lebih selamat. Contohnya, tapak pelupusan yang dilengkapi dengan lapisan kedap dan sistem pemantauan boleh mengelakkan kebocoran bahan kimia ke dalam tanah atau air bawah tanah.



Sumber : Facebook Jabatan Alam Sekitar - Pengangkut Buangan Terjadual Tanpa Lesen Disita JAS Negeri Johor



Sumber : Facebook Jabatan Alam Sekitar - Program Kesedaran Sekolah Lestari Anugerah Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Labuan

Selain itu, pembuangan terjadual juga membantu dalam memastikan kesejahteraan masyarakat. Pengurusan sisa perubatan, sebagai contoh, menghalang penyebaran penyakit melalui jarum terpakai atau bahan biologi lain yang tercemar. Ia juga memberi ruang kepada industri untuk beroperasi dengan lebih bertanggungjawab tanpa mencemarkan persekitaran secara langsung. Kepentingan pembuangan terjadual tidak boleh dipandang ringan. Ia adalah komponen penting dalam usaha kita memelihara alam sekitar dan kesihatan awam, serta memastikan pembangunan yang berterusan tidak mengorbankan kesejahteraan ekosistem.

Walaupun pembuangan terjadual merupakan langkah penting dalam menguruskan sisa buangan dan melindungi alam sekitar, ia tidak terlepas daripada pelbagai cabaran yang memerlukan perhatian serius.

Proses ini, walaupun dirancang untuk meminimumkan impak negatif terhadap ekosistem, boleh memberi kesan sampingan yang tidak diingini jika tidak dilaksanakan dengan cekap dan berkesan. Kesan-kesan ini bukan sahaja mempengaruhi alam sekitar tetapi juga boleh menjejaskan kesihatan manusia, biodiversiti, dan kesejahteraan komuniti. Oleh itu, dalam usaha untuk mengawal sisa buangan yang berbahaya dan mengurangkan pencemaran, terdapat beberapa cabaran besar yang perlu ditangani.

Pembuangan terjadual melibatkan pelbagai aspek, dari pengumpulan hingga pelupusan akhir, dan setiap langkah ini memerlukan pengawasan yang teliti. Namun, masalah seperti ketidakpatuhan terhadap peraturan, kekurangan infrastruktur yang sesuai, dan kesulitan dalam menguruskan sisa-sisa yang sangat berbahaya atau sukar dikendalikan adalah antara cabaran utama yang dihadapi. Selain itu, kesan sampingan dari proses pembuangan yang tidak sempurna atau tapak pelupusan yang tidak terurus dengan baik turut memberi kesan buruk kepada alam sekitar dan manusia.



Sumber : Facebook Page Jabatan Alam Sekitar - Kes Pelupusan Haram di Negeri Sembilan



Sumber : Facebook Page - Seminar Pengurusan Buangan Terjadual Anjuran Kelab KASLAW Jabatan Alam Sekitar WP Labuan

Cabaran lain yang sering dihadapi dalam pembuangan terjadual adalah ketidakpatuhan terhadap peraturan yang ditetapkan, terutama di kalangan industri. Masih terdapat segelintir pihak yang membuang sisa toksik secara haram di kawasan terbuka, tanpa mengikut peraturan yang ditetapkan oleh pihak berkuasa. Tindakan ini bukan sahaja mencemarkan alam sekitar tetapi juga meningkatkan risiko kesihatan kepada komuniti yang tinggal berdekatan. Ketidakpatuhan terhadap undang-undang ini memburukkan lagi masalah pencemaran dan memperburuk keadaan alam sekitar. Oleh itu, penguatkuasaan yang lebih ketat dan pemantauan yang berterusan amat diperlukan untuk menangani isu ini.



Sumber : Penguatkuasaan oleh Jabatan Alam Sekitar WP Labuan

Bagi mengatasi cabaran dan kesan negatif yang timbul daripada pembuangan terjadual, beberapa langkah penyelesaian perlu diambil bagi memastikan pengurusan sisa dilakukan secara berkesan dan lestari seperti pemantauan yang berterusan di tapak pelupusan sangat penting untuk memastikan ia diurus dengan betul. Kerajaan perlu memastikan penguatkuasaan undang-undang yang ketat terhadap aktiviti pembuangan haram dan pematuhan peraturan oleh pihak industri. Penguatkuasaan ini akan mengurangkan kebarangkalian pencemaran dan memastikan bahawa pembuangan sisa dilakukan dengan cara yang bertanggungjawab dan mengikut piawaian yang telah ditetapkan.

Selain itu, penggunaan teknologi hijau seperti rawatan sisa biologi, kitar semula bahan toksik, dan insinerasi mesra alam dapat mengurangkan beban sisa buangan yang perlu dilupuskan. Teknologi ini bukan sahaja lebih mesra alam, tetapi juga berpotensi untuk mengurangkan pencemaran dan kesan negatif terhadap alam sekitar. Penggunaan teknologi ini memerlukan pelaburan dalam penyelidikan dan pembangunan, tetapi ia adalah pelaburan yang sangat berbaloi dalam usaha untuk mengurangkan kesan buruk sisa buangan terhadap alam sekitar.



Sumber : Facebook Page - Pameran Kesedaran Alam Sekitar di SM St Anne Wilayah Persekutuan Labuan



Sumber : Facebook Page - Ceramah Pengisian Lapisan Ozon Sempena Hari Bumi di SM St Anne Wilayah Persekutuan Labuan

Dalam pada itu, masyarakat perlu dididik tentang pentingnya pengurusan sisa buangan yang betul. Program kesedaran mengenai pengasingan sisa, kitar semula, dan pengurangan penggunaan plastik harus diperkenalkan kepada orang ramai. Dengan kesedaran yang lebih tinggi, masyarakat dapat mengurangkan pengeluaran sisa dan memastikan sisa yang dihasilkan diurus dengan cara yang lebih berkesan, sekaligus mengurangkan.

Cabaran dalam pengurusan pembuangan terjadual tidak boleh ditangani oleh satu pihak sahaja. Oleh itu, kerjasama antara kerajaan, industri, dan masyarakat adalah amat penting. Inisiatif seperti kempen kesedaran, pelaburan dalam teknologi lestari, dan peningkatan infrastruktur pengurusan sisa memerlukan usaha kolektif daripada semua pihak. Kerjasama ini akan memastikan bahawa pembuangan sisa dilakukan secara bertanggungjawab dan kelestarian alam sekitar dapat dipelihara.

Namun begitu, dengan langkah penyelesaian yang tepat, kita boleh mengatasi cabaran-cabaran ini dan memastikan pembuangan terjadual dapat dilaksanakan secara lestari. Kita tidak boleh mengabaikan peranan pembuangan terjadual dalam memelihara alam sekitar kerana setiap tindakan kecil yang kita ambil hari ini, baik dari segi pengurangan penggunaan sisa, kitar semula, atau pengurusan sisa yang betul, akan memberi kesan yang besar dalam memastikan dunia kita terus dapat dinikmati oleh generasi akan datang. Oleh itu, adalah tanggungjawab kita semua untuk memastikan bahawa pembuangan terjadual dilaksanakan dengan penuh kesedaran dan komitmen, demi kemakmuran alam sekitar dan kesejahteraan hidup bersama.

Buku

United Nations Environment Programme (UNEP). (2018). "Global Waste Management Outlook." United Nations Environment Programme.

Chambers, R., & Chambers, E. (2017). "The Impacts of Waste Disposal on Soil and Water Quality." Environmental Science and Pollution Research, 24(4), 4215-4232.

Intergovernmental Panel on Climate Change (IPCC). (2014). "Climate Change 2014: Mitigation of Climate Change." Cambridge University Press.

Sala, O. E., et al. (2000). "Global biodiversity scenarios for the year 2100." Science, 287(5459), 1770-1774.

González, M. Á., & Pérez, C. M. (2019). "Environmental Violations and Hazardous Waste Disposal: The Role of Industry." Journal of Environmental Management, 246, 539-549.

Liu, W., et al. (2020). "Green Technologies for Waste Treatment: A Review of Progress and Perspectives." Journal of Environmental Management, 264, 110485.

Jabareen, Y. R. (2017). "Sustainable Waste Management and the Role of Public Awareness." Environmental Education Research, 23(1), 97-116.

Internet

Jabatan Alam Sekitar Malaysia. (2024, September 28). Seminar berkaitan Pengurusan Lestari Buangan Terjadual dan Cabaran Dalam Pengurusan Refrigeran Sempena Hari Ozon Sedunia Peringkat Wilayah Persekutuan Labuan 2024. Facebook. https://fb.watch/wEz3pcTXt9/

Dato Sri Utama (2024, Disember 5). Kes Pelupusan Haram Sisa Industri yang Disyaki Buangan Terjadual di Bukit Pelandok, Negeri Sembilan. Facebook. *https://www.facebook.com/alias/posts/1234567890*

BES Labuan. (2024, April 23). Sambutan Hari Bumi di SM St Anne, Peringkat Wilayah Persekutuan Labuan 2024. Facebook. https://fb.watch/wEz3pcTXt9/

Jabatan Alam Sekitar. (2023, Februari 16). Pengangkut Buangan Terjual Tanpa Lesen Disita JAS Negeri Johor, Peringkat Wilayah Persekutuan Labuan 2024. Facebook. https://fb.watch/wEz3pcTXt9/

Jabatan Alam Sekitar Malaysia. (2024, Jun 12). Penilaian SLAAS Peringkat Wilayah Persekutuan Labuan 2024. Facebook. https://fb.watch/wEz3pcTXt9/

LAPORAN TAHUNAN 2025
WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN

Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Labuan
Tingkat 9, Blok 4 , Ujana Kewangan
87000 Wilayah Persekutuan Labuan
No Telefon : 087-408 772

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian artikel gambar dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan apa juga cara sama ada elektronik, fotokopi, mekanikal, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada penerbit.

ISSN 3030-6833